

Mahathir seru ahli-ahli UMNO pulang bersama falsafah baru

KUALA LUMPUR 10 Nov. — Presiden UMNO, Dato' Sri Dr. **Mahathir Mohamad**, menutup **Perhimpunan Agung UMNO 1991** dengan menyeru ahli-ahli pulang bersama falsafah baru.

"Dengan falsafah yang baru, dengan Melayu yang baru, kita boleh berjaya," katanya mengakhiri perhimpunan tiga hari itu.

Walaupun tidak ada pemilihan pada perhimpunan kali ini, para perwakilan melahirkan rasa puas hati terhadap beberapa isu yang dibincangkan.

Buat pertama kalinya juga lirik lagu UMNO "**Bersatu, Bersetia, Berkhidmat**" yang berbunyi "**kita anak Melayu**" ditukarkan kepada "**kita rumpun Melayu**" bagi membuktikan sikap keterbukaannya dalam menerima ahli-ahli dari kalangan rakyat bumiputera Sabah.

Lagu itu juga dinyanyikan beramai-ramai oleh para perwakilan di akhir persidangan.

Dato' Sri Dr. Mahathir menjelaskan, perubahan itu dibuat bagi meliputi keanggotaan UMNO yang dibuka kepada rakyat Sabah.

Katanya, persetujuan untuk menukar lirik

itu dicqaoi dalam mesyuarat khas **Mailis Tertinggi (MT) UMNO dan** bukannya 'diminta oleh pemimpin-pemimpin UMNO Sabah.

Majlis penutup yang diiringi dengan **Selawat Nabi** itu turut menyaksikan semangat kekeluargaan apabila pemimpin-pemimpin UMNO turun dari pentas persidangan dan bersalaman dengan para perwakilan dalam suasana penuh keharuan.

Perdana Menteri juga memuii ibu pejabat UMNO dan Pengerusi Tetap' **Persidangan**, Tan Sri Sulaiman Ninam Shah kerana berjaya mengendalikn persidangan dengan lancar.

Sementara itu Tan Sri Sulaiman turut mengumumkan keputusan para perwakilan yang menurunkan tandatangan beramai-ramai sebagai tanda terima kasih kepada Setiausaha Agung UMNO, Dato' Mohamed Rahmat di atas perjalanan persidangan yang berlangsung dengan jayanya.

Beliau juga mengumumkan bahawa Dato' Sri Dr. Mahathir akan merasmikan ulangtahun yang ke-25 Majlis Amanah Rakyat (MARA) Sabtu ini di Dewan Merdeka.